

01/11/1997

Menteri Luar bermesyuarat hari ini

MENTERI luar negara-negara anggota G-15 akan bermesyuarat di sini hari ini sebagai persediaan bagi sidang kemuncak pemimpin mereka ekoran gesaan Malaysia supaya ada ketelusan dalam perdagangan mata wang dan kesan global akibat manipulasi pasaran saham.

Isu itu, walaupun bersifat ekonomi dijangka dibincangkan dalam mesyuarat itu walaupun menteri ekonomi yang mengadakan mesyuarat sulung sebelum sidang kemuncak hari ini, membincangkan panjang lebar mengenai perkara itu.

Pegawai Malaysia berkata, isu itu sangat penting bukan hanya kepada Malaysia, yang dengan lantang menentang manipulasi mata wang dan pasaran saham dalam forum antarabangsa baru-baru ini, tetapi juga kepada seluruh dunia.

Berikutan Bursa Saham New York mengalami kejatuhan paling teruk sejak kejatuhan 1987, ia menunjukkan negara-negara maju juga tidak sepi daripada masalah itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan merasmikan sidang kemuncak itu Isnin ini pernah berkata, Malaysia akan terus menggunakan forum antarabangsa untuk menerangkan kesan negatif akibat spekulasi dan manipulasi mata wang yang keterlaluan terhadap ekonomi dunia.

(END)